

Gerakan Tumpu Empat Kawasan Parlimen Pada PRU-13
Bernamea
30 September, 2012

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Gerakan bakal menumpukan perhatian kepada empat kawasan Parlimen yang dilihat mempunyai peluang untuk menang, termasuk mempertahankan kerusi Simpang Renggam di Johor, pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13).

Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata selain Simpang Renggam, fokus akan diberi kepada kerusi Taiping, Beruas dan Teluk Intan.

"Kita kena pastikan dapat kekalkan kerusi itu (Simpang Renggam), dan untuk itu, kita kena bekerja keras. Kini kita bersiap sedia untuk Taiping. Sememangnya kerusi Taiping akan menjadi fokus," katanya kepada pemberita selepas sesi penggulungan pada Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan ke-41 hari ini.

Kerusi Taiping, yang secara tradisional diperuntuk kepada Gerakan, telah diberi kepada Parti Progresif Penduduk (PPP) pada PRU lepas, manakala calon Gerakan iaitu Datuk Tan Lian Hoe bertanding di Gerik, yang sebelum ini diperuntuk kepada Umno.

Bagaimanapun, Presiden PPP Datuk M.Kayvaes yang bertanding di Taiping tewas pada 2008 manakala Tan berjaya mempertahankan kerusi Gerik untuk Barisan Nasional (BN).

Koh berkata kerusi Taiping akan dikembalikan kepada Gerakan, dan sejak beberapa tahun lepas, Tan yang juga Ketua Wanita Gerakan, sudah bergerak aktif bagi mendapat keyakinan serta sokongan pengundi di kawasan itu.

Beliau berkata parti itu juga mengatur strategi untuk menawan semula kerusi Beruas dan Teluk Intan, selain tiga hingga empat kawasan lain yang enggan didedahkan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698539>